

## ►UMUM

Pengundi tidak berganjak: 821 responden membentuk 87.1 peratus Daripada PAP kepada parti pembangkang: 44 responden membentuk 4.7 peratus Daripada parti pembangkang kepada PAP: 78 responden membentuk 8.2 peratus

## ►BANGSA Cina

Pengundi tidak berganjak: 74 peratus Daripada PAP kepada parti pembangkang: 52 peratus Daripada parti pembangkang kepada PAP: 81 peratus

## Melayu

Pengundi tidak berganjak: 11 peratus Daripada PAP kepada parti pembangkang: 11 peratus Daripada parti pembangkang kepada PAP: 9 peratus

## India

Pengundi tidak berganjak: 12 peratus Daripada PAP kepada parti pembangkang: 32 peratus Daripada parti pembangkang kepada PAP: 5 peratus

## Lain-lain

Pengundi tidak berganjak: 3 peratus Daripada PAP kepada parti pembangkang: 5 peratus Daripada parti pembangkang kepada PAP: 5 peratus

Sumber: Profesor Madya, Dr Zhang Weiyu, dari Jabatan Komunikasi dan Media Baru, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Nasional Singapura (NUS).



**BUAT PILIHAN:** Rakyat Singapura keluar mengundi pada 11 September tahun lalu dan menyaksikan Parti Tindakan Rakyat (PAP) menikmati peralihan undi yang besar – sebanyak 9.7 peratus – sekali gus membolehkan ia kembali berkuasa dengan mandat kukuh. – Foto hiasan

Di kalangan bangsa Cina, 52 peratus beralih daripada PAP kepada pembangkang; 81 peratus daripada pembangkang kepada PAP; dan 74 peratus tidak berganjak.

Di kalangan bangsa India pula, 32 peratus beralih daripada PAP kepada pembangkang; 5 peratus daripada pembangkang kepada PAP; dan 12 peratus tidak berganjak.

Bagi mereka kedua-dua kelompok – sama ada daripada PAP kepada pembangkang atau daripada pembangkang kepada PAP, mereka lebih cenderung menyertai rapat pilihan raya tetapi bagi parti yang menjadikan pilihan mereka.

Sementara itu, apa yang Dr Elmie sifatkan sebagai paling menarik dalam kajian selidik melibatkan 2,000 rakyat Singapura ialah bagaimana seseorang boleh dan akan membezakan antara pandangan yang diisuarakan melalui rangkaian terbuka seperti Facebook, Twitter, Instagram dan sebagainya dengan kumpulan rangkaian media sosial tertutup contohnya, WhatsApp, Viber, Instant Messenger dan sebagainya, dalam menentukan siapakah yang mereka undi dalam pilihan raya lalu.

“Saya rasa, secara umum, orang ramai cuba menangani dan memahami pengaliran maklumat yang banyak itu serta bilangan ‘teman’ dalam talian yang mereka kumpulkan melalui wadah media sosial terbuka seperti WhatsApp.

“Dengan lain perkataan, mereka lebih menghargai rangkaian lebih akrab ini yang mempunyai ikatan



**DR ELMIE NEKMAT:** Mendapat pengundi lebih cenderung dipengaruhi oleh kumpulan media sosial tertutup seperti WhatsApp, Viber, Instant Messenger dan sebagainya, dalam menentukan siapakah yang mereka undi dalam pilihan raya lalu.

“Untuk berbuat demikian, mereka membentuk ‘kumpulan baru’ mereka sendiri dan mula mencipta dan melibatkan diri dalam rangkaian lebih kecil (contohnya, kumpulan tertutup platform media sosial seperti WhatsApp).

“Dengan lain perkataan, mereka lebih menghargai rangkaian lebih akrab ini yang mempunyai ikatan

lebih kuat. Mereka juga akan terlibat dalam perbincangan dan topik yang lebih cenderung relevan kepada mereka.

“Ini menjelaskan mengapa kumpulan media sosial tertutup lebih kuat pengaruhnya daripada platform media sosial terbuka seperti yang terdapat dalam kajian ini,” jelas Dr Elmie yang menyampaikan hasil kajian Penunjuk Beberapa Iklim Pendapat dalam GE2015.

Trend tersebut, kata beliau, lebih kurang sama dengan yang melibatkan pengundi Melayu.

Penolong Profesor, Dr Natalie Pang, daripada Sekolah Komunikasi dan Maklumat Wee Kim Wee, Universiti Teknologi Nanyang (NTU), telah membentangkan hasil kajian bertajuk Penghurai Penggunaan Media Sosial: Bagaimana Ekspresif, Maklumat dan Penggunaan Berikat Bentuk Penyertaan Media Sosial.

Menurut beliau, ekologi Internet dan media sosial telah banyak berubah sejak lima tahun lalu.

Maka beliau mengukur penggunaan media sosial dalam tiga cara: ekspresif, maklumat dan hubungan.

“Saya mendapat perbezaan ketara dari segi umur, pendidikan dan jantina dalam membentuk setiap jenis penggunaan.

“Misalnya, pengguna selepas usia persaraan (65 hingga 69 tahun) jauh lebih cenderung melibatkan diri dalam penggunaan maklumat daripada pengguna lebih muda.

“Dengan kata lain, pengguna selepas usia persaraan (65 hingga 69 tahun) jauh lebih cenderung melibatkan diri dalam penggunaan maklumat daripada pengguna lebih muda.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan Analisis Hidup, Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Dr Lim Ee-Peng, berkata semasa musim pilihan raya, terdapat 275 pos dihasilkan dalam masa sehari.

“Dalam kajian, kami terkejut bahawa jumlah pos blog politik tidak meningkat dengan ketara sejurus selepas pengumuman keputusan GE2015. Ini berbeza daripada banyaknya pos blog politik yang dihasilkan pada hari terakhir kempen GE2015.

“Walau bagaimanapun, kami mendapat sebahagian besar pos berbentuk emosi selepas pengumuman keputusan GE2015. Pos emosi adalah yang mengandungi sekurang-kurangnya beberapa ungkapan berbentuk keluhan atau makian,” ujar Dr Lim.

# Media sosial ‘tertutup’ lebih berpengaruh tentukan calon diundi

►HASLEEN BACHIK  
hasleen@sph.com.sg

KUMPULAN media sosial yang bersifat tertutup lebih berpengaruh dalam menentukan siapakah yang akhirnya diundi dalam Pilihan Raya Umum (GE) 2015 di Singapura berbanding rangkaian media sosial yang bercorak terbuka.

Apa yang dilakukan dalam kumpulan terbuka rangkaian media sosial boleh dan mungkin berbeza daripada apa yang dikongsi dalam rangkaian tertutup kumpulan itu, ujar Penolong Profesor, Komunikasi dan Media Baru, Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Elmie Nekmat.

Dr Elmie adalah seorang daripada lima penyampai yang membentangkan hasil kajian mereka dalam Simposium Institut Pengajaran Dasar (IPS) Media dan Penggunaan Internet semasa GE 2015, yang diadakan di IPS kelmarin.

Rakyat Singapura keluar mengundi pada 11 September tahun lalu yang menyaksikan Parti Tindakan Rakyat (PAP) menikmati peralihan undi yang besar – sebanyak 9.7 peratus – sekali gus membolehkan ia kembali berkuasa dengan mandat kukuh.

PAP turut rampas semula Punggol East daripada Parti Pekerja (WP).

Semasa membentangkan hasil kajian mengenai Pengundi Berayun atau Pengundi Tidak Berayun: Membezakan Demografi, Nilai Politik, dan Corak Penggunaan Media, Profesor Madya, Dr Zhang Weiyu, daripada Jabatan Komunikasi dan Media Baru, NUS, berkata kumpulan yang beralih daripada PAP kepada parti pembangkang cenderung merupakan kaum wanita berbangsa Cina dan India dan tinggal di flat satu atau dua bilik.

Sementara itu, mereka yang pada GE2011 memilih parti pembangkang namun bertukar haluan kepada PAP pada GE2015 pula cenderung merupakan kaum lelaki berbangsa Cina dan menetap di flat empat atau lima bilik.

Di kalangan orang Melayu pula sebanyak 11 peratus beralih daripada PAP kepada parti pembangkang dan 9 peratus pula daripada pembangkang kepada PAP. Mereka yang tidak berganjak antara pilihan raya lalu dengan GE2015 membentuk 11 peratus.

Peratusan ini berbeza daripada bangsa lain.

## Majlis Maulidur Rasul serta Haul Ustaz Syed Hamid Alkaff

Hagel Travel & Tours Pte Ltd menganjurkan Majlis Maulidur Rasul serta Haul Ustaz Syed Hamid Alkaff.

Pada Hari Ahad, 31 Januari 2016

Jam : 11:00 pagi

Di Oditorium Masjid Sultan, 3 Muscat Street

Sekelian Ahli Keluarga, saudara mara, para Asatizah, para Pelajar, sahabat tauilan, sekelian para jemaah Hajj & Umrah di persilakan hadir.

### Aturcara Majlis

Bacaan Dibaie, Tahlil, Ceramah, Nasyid dan lain-lain.

Majlis Kesukuran Umrah Disember'15 & Januari '16

Kami ingin mengundang sekelian para Jemaah Umrah untuk menghadiri Majlis jam 10:30 pagi.

Kami dahului dengan ucapan Ribuan Terima Kasih  
Salam Ukhwah

### CERAMAH KHAS



Al-Ustaz Mohsen Bin Syed Abd Rahman Alkaff

Guru Agama  
Kelulusan Al-Azhar & Madinah

**HAGEL**  
TRAVEL & TOURS  
PRIVATE LIMITED



Allahyarham  
Ustaz Syed Hamid Alkaff

Setahun sudah berlalu  
meninggalkan kita  
pada 06.02.2015  
Bersamaan  
16 Rabitul Akhir 1436H

16 Rabitul Akhir 1436H